



6 November 2015
6 November 2015
P.U. (A) 263

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PEMBINAAN DAN PENGGUNAAN) (KENDERAAN BARANGAN BERBAHAYA) 2015

ROAD TRANSPORT (CONSTRUCTION AND USE) (DANGEROUS GOODS VEHICLES) RULES 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PEMBINAAN DAN PENGGUNAAN)
(KENDERAAN BARANGAN BERBAHAYA) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 66(1), 88(1) dan 127(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pembinaan dan Penggunaan) (Kenderaan Barangan Berbahaya) 2015**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

"barangan berbahaya" ertinya barangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama;

"kelas barangan berbahaya" ertinya kelas yang disenaraikan dalam Jadual Kedua;

"kenderaan barangan berbahaya" ertinya mana-mana kenderaan barangan yang dibina atau disesuaikan untuk membawa barangan berbahaya.

Ketidakpakaian

3. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai kepada kenderaan polis atau tentera yang membawa barangan berbahaya.

Pembinaan dan penggunaan kenderaan barangan berbahaya

4. Sesebuah kenderaan barangan berbahaya yang melalui jalan hendaklah—
- (a) dibina dengan mematuhi setiap keperluan dan tatacara yang ditetapkan di bawah Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Eropah (UN ECE) Peraturan 105, Peruntukan Seragam Mengenai Kelulusan Kenderaan yang digunakan untuk Membawa Barangan Berbahaya Berhubung dengan Ciri-ciri Khusus Pembinaannya;
 - (b) dibina dengan mengikut pelan kenderaan atau lukisan susun atur am reka bentuk kenderaan barangan berbahaya yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;
 - (c) digunakan hanya untuk membawa barangan berbahaya mengikut kelas barangan berbahaya yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah dalam pelan kenderaan atau lukisan susun atur am reka bentuk kenderaan barangan berbahaya; dan
 - (d) dibina dan digunakan mengikut apa-apa kehendak ditetapkan oleh Ketua Pengarah bagi memastikan keselamatan orang awam.

Kelengkapan keselamatan

5. Sesebuah kenderaan barangan berbahaya hendaklah dilengkapi dengan kelengkapan keselamatan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Plat maklumat kecemasan

6. (1) Sesebuah kenderaan barangan berbahaya hendaklah dipasang dengan plat maklumat kecemasan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

- (2) Sesebuah plat maklumat kecemasan hendaklah—

- (a) diperbuat daripada bahan yang tahan cuaca;

(b) berada dalam keadaan tegar, jelas dan boleh dibaca pada setiap masa; dan

(c) mengandungi nombor UN barangan berbahaya yang dibawa oleh kenderaan barangan berbahaya.

(3) Sesuatu plat maklumat kecemasan hendaklah dipasang dalam keadaan satah menegak di tempat yang mudah dilihat di bahagian belakang, kiri dan kanan badan sesebuah kenderaan barangan berbahaya.

(4) Jika sesuatu plat maklumat kecemasan tidak boleh dipasang secara kekal pada badan kenderaan barangan berbahaya, plat maklumat kecemasan tersebut hendaklah—

(a) dilekatkan pada badan kenderaan barangan berbahaya tersebut menggunakan pelekat; atau

(b) dipamerkan dengan menggunakan bingkai yang dipasang secara kekal pada badan kenderaan barangan berbahaya tersebut.

Kelulusan bagi membawa barangan berbahaya Kelas 1 dan Kelas 7

7. (1) Seseorang pemilik berdaftar sesebuah kenderaan barangan berbahaya yang mengangkut barangan berbahaya bagi Kelas 1 atau Kelas 7 hendaklah mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

(2) Bagi maksud kaedah ini, pihak berkuasa yang berkaitan ertinya—

(a) bagi Kelas 1, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri;

(b) bagi Kelas 7, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Pengecualian

8. Ketua Pengarah boleh, jika dia berpuas hati bahawa penting bagi kepentingan awam untuk berbuat sedemikian, mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan kaedah 4, 5 atau 6 Kaedah-Kaedah ini.

Pembatalan

9. Kaedah-Kaedah (Pembinaan dan Penggunaan) (Kenderaan Yang Membawa Hasil Petroleum) 1965 [*L.N. 405/1965*] dibatalkan.